



Penandaarasan Masjid

oleh:

PM Dr. Md. Amin Haji Abdul Rahman al-Jarumi
Kulliyyah Syariah dan Undang-undang
Kolej Universiti Insaniah, Kedah Darul Aman

PENGENALAN

Definisi Penandaarasan Masjid.

Penandaarasan ialah perbuatan menentukan tanda aras atau sasaran tertentu. Tanda aras ialah suatu piawai yang digunakan untuk membanding tahap prestasi semasa dengan yang lepas atau untuk mencapai sasaran tahap prestasi yang telah ditentukan. Individu, institusi masyarakat, perniagaan dan kerajaan mempunyai tanda aras masing-masing. Penandaarasan adalah bertujuan untuk memperbaiki prestasi ke arah yang lebih baik lagi.

Sehubungan dengan itu, penandaarasan masjid bermaksud perbuatan menentukan tanda aras sebuah institusi masjid dan antara masjid (bukan pesaing) yang mempunyai ciri setara dengan tujuan untuk memperbaiki mutu atau prestasi institusi masjid yang berkenaan.

Penandaarasan yang boleh diterjemahkan dalam indeks prestasi utama KPI (Key Performance Indicator) ditetapkan oleh pengurusan bagi mencapai sasaran dan dalam pada itu untuk memuaskan kehendak penggunaanya. Dalam konteks masjid, pentabir masjid berusaha memuaskan jema'ahnya dari segi sistem penyampaian perkhidmatannya dan meningkatkan tanda arasnya dari masa ke masa.

LATARBELAKNG PENANDAARASAN MASJID

Di awal era kebangkitan Islam, khususnya di zaman Rasulullah SAW penandaarasan masjid boleh diukur melalui beberapa faktor berikut:

- Bilangan yang memeluk agama Islam
- Penyebaran dakwah ke luar Semenanjung Tanah Arab
- Perluasan ilmu dan pembangunan modal insan
- Peranan Ahli Suffah yang melahirkan:
 - Ahli-ahli Sufi
 - Pendakwah-pendakwah
 - Huffaz al-Quran
 - Periwiyat-periwiyat Hadith
 - Ilmuan-ilmuan.

PENANDAARASAN MASJID MASAKINI

Tiada lagi sistem penandaarasan masjid yang diterima oleh semua pihak dalam konteks tadbir urus masjid pada masa kini. Oleh itu, dalam kertas kerja ini penulis ingin mencadangkan elemen-elemen yang boleh dijadikan penandaaras

dan KPI yang berkaitan dengan pengurusan sumber manusia, pengimarahannya masjid dan pengurusan kewangan masjid.

1) Pengurusan Sumber Manusia

Tadbir urus masjid memerlukan kepada sumber manusia untuk ianya diurus dengan baik dari segi pelaksanaan terhadap peranan-peranan, kebersihan, infrastruktur, kemudahan dan lain-lain. Tujuan pengurusan yang baik adalah untuk menjadikan masjid bukan sahaja sebagai tempat ibadat, malah sebagai pusat pengimarahannya dan pusat dakwah yang sempurna. Sekiranya pengurusan masjid kurang diberi perhatian, maka ia akan menjadi sebuah institusi yang usang, walaupun dari segi fizikalnya ia mempunyai infrastruktur kelas pertama - sebuah bangunan yang tersergam indah dengan kos pembinaannya mencecah jutaan ringgit.

Secara umumnya sumber manusia di masjid terdiri dari tiga jawatan utama iaitu: Imamⁱ, *Mu'azzin*ⁱⁱ dan Siakⁱⁱⁱ. Mereka merupakan anggota 'eksekutif' yang menjalankan tugas masing-masing menurut peruntukan yang terdapat dalam Peraturan Pegawai-pegawai Masjid yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Negeri. Selain dari itu, terdapat pula Jawatankuasa Kariah yang menjadi penggubal polisi (policy maker) dalam pengurusan masjid. Mereka inilah yang akan menentukan tanda aras/KPI masjid.

Untuk menjadikan sesebuah masjid sebagai penanda aras/KPI kepada masjid yang lain, maka sumber tenaga kerjanya hendaklah terdiri dari golongan yang memiliki tanda aras berikut:

- a) Pekerja yang berilmu
- b) Pekerja yang berkebolehan
- c) Pekerja yang beradab (beretika)
- d) Pekerja yang produktif
- e) Pekerja yang efektif/efisien
- f) Pekerja yang inovatif/kreatif
- g) Pekerja yang mengejar kecemerlangan.

2) Pengimarahannya Masjid:

Pengimarahannya masjid adalah suatu faktor yang boleh dijadikan tanda aras sesebuah masjid. Justeru, sesebuah masjid perlu mengadakan aktiviti-aktiviti pengimarahannya melalui pengwujudan unit-unit berikut dengan fungsi-fungsinya yang tertentu:

Unit Pembangunan Ibadah dan Khidmat Sosial:

- a. Melaksanakan pengurusan Solat lima waktu, Solat Jumu'at, Solat Dua Hari Raya dan solat-solat yang lain.
- b. Mengadakan program ibadah dan kerohanian seperti Qiyamullail dan Forum Perdana.
- c. Menganjurkan program kemasyarakatan dan mesra masjid, seperti: Ibadah Korban, Karnival Sukan dan Iftar Jama'ie.
- d. Menguruskan jemputan dari luar.
- e. Menguruskan bacaan Yasin dan Tahlil pada setiap malam Juma'at dan Hari-hari Kebesaran Islam.
- f. Menguruskan pengendalian jenazah.
- g. Mengatur aktiviti pada Hari-hari Kebesaran Islam.
- h. Mengatur program Ihya' Ramadhan.
- i. Mengurus Kursus Imam dan Bilal.
- j. Menguruskan program remaja Islam.
- k. Memberi khidmat nasihat berkaitan hal ehwal Islam.

Tanda aras dan KPI untuk Unit Pembangunan Ibadah dan Khidmat Sosial ialah:

- a. Bilangan jemaah yang bersolat
- b. Bilangan program khidmat sosial kepada jemaah
- c. Bilangan kursus Iman/Bilal/Siak di peringkat kebangsaan dan negeri.

Unit Pendidikan dan Pengajian:

- a. Mengendalikan pengajian umum.
- b. Menguruskan Kelas Pengajian Bersijil.
- c. Menguruskan Perpustakaan Masjid.
- d. Menguruskan Akademi Imam.
- e. Menguruskan Ma'had Tahfiz atau Kelas-kelas Pengajian al-Quran.
- f. Menguruskan program-program khas seperti Selawat Burdah, Kuliah Tasawwur Islam dan Kuliah-kuliah Khas Bulanan.

Tanda aras dan KPI untuk Unit Pendidikan dan Pengajian ialah:

- a. Bilangan peserta yang khatam al-Quran
- b. Bilangan peserta yang mendapat sijil Imam
- c. Bilangan perolehan buku di Perpustakaan

Unit Dakwah Dan Informasi:

- a. Mengurus pelawat dalam dan luar negeri.
- b. Mengurus penerbitan 'Risalah' dan 'Majallah'.
- c. Mengurus sistem teknologi maklumat.
- d. Mengadakan kursus dan seminar dakwah dan ICT.
- e. Menjalankan aktiviti dakwah.
- f. Menyelaras Program Kerjasama dengan NGO.

Tanda aras dan KPI untuk Unit Dakwah dan Informasi ialah:

- a. Biangan lawatan pihak luar untuk mengambil nasihat dalam tadbir urus masjid
- b. Kekelapangan pengedaran risalah dan majallah
- c. Kemudahan ICT – komputer dan peralatannya termasuk wifi
- d. Bilangan NGO yang bekerjasama dengan masjid.

3) Pengurusan Kewangan:

Pengurusan kewangan adalah amat penting dijadikan penandaaras sesebuah masjid. Tambahan pula program pengimarahannya perlu disokong oleh sumber kewangan yang kukuh. Peruntukan yang disediakan oleh pihak berkuasa atasan adalah terhad. Sumber kewangan yang kedua terpenting ialah daripada derma dan sedekah serta zakat daripada masyarakat setempat. Kekurangan sumber kewangan akan menjadi kekangan utama untuk menghasilkan program pengimarahannya masjid yang efektif seperti program pembangunan modal insan. Justeru, bahagian kewangan perlu menjalankan tugas-tugas seperti berikut:

- a. Mengurus hal ehwal kewangan peruntukan kerajaan negeri.
- b. Mengurus kutipan, penyimpanan dan penggunaan Wang Tabung Amanah.
- c. Membuat cadangan perbelanjaan dan pembangunan masjid.
- d. Mengurus aset, inventori dan bangunan.

Tanda aras dan KPI untuk pengurusan kewangan ialah:

- a. Menentukan peratusan kedudukan kewangan masjid dalam keadaan lebihan
- b. Menentukan sasaran kutipan dana masjid

- c. Menentukan sasaran bantuan kewangan kepada golongan miskin dan rentan (vulnerables).
- d. Menghasilkan laporan kewangan yang boleh diakses oleh jemaah.

4) Penyelidikan dan Inovasi:

Selain dari wujudnya Jawatankuasa Masjid atau Qariah, Imam, Bilal dan Siak, masjid perlu mempunyai Unit Penyelidikan dan Inovasi. Unit ini perlu membuat kajian mengenai perkara-perkara berikut:

- a) Profil masyarakat setempat.
- b) Masalah-masalah sosio-ekonomi yang sedang dihadapi oleh masyarakat.

Berdasarkan kepada perkara-perkara ini, maka program pengimarahannya yang dijalankan adalah mengikut ciri masyarakatnya dan sesuai dengan kehendak masyarakat itu. Ini membolehkan penyertaan yang lebih meluas daripada kalangan masyarakatnya. Penyertaan yang meluas membolehkan pengurus masjid membangunkan modal insan mengikut kumpulan umur daripada kanak-kanak untuk mendapat pencapaian akademik cemerlang, bukan tercorot, golongan belia yang beradab dan produktif, bukan yang tidak beradab dan destruktif, golongan tua yang menambah baik hubungannya dengan Allah SWT dan golongan miskin yang mendapat pembelaan kebajikan dari masjid.

Tanda aras dan KPI untuk Unit Penyelidikan dan Inovasi ialah:

- a. Menghasilkan laporan tahunan profil masyarakat setempat

KE ARAH MENCAPAI PENANDAARASAN MASJID

Pengurusan masjid secara umumnya dapat dilihat dalam konteks jurang penawaran dan permintaan dalam masyarakat setempat. Penawaran bermaksud apa yang boleh disediakan oleh sesebuah masjid dan permintaan pula ialah apa yang diperlukan oleh pengunjung masjid (makmum).

Selain daripada tanda aras dan KPI, sesebuah masjid hendaklah dapat menawarkan perkara-perkara berikut:

- Lokasi yang terbuka dan mudah akses
- Infrastruktur dan sarana yang mencukupi (termasuk untuk Orang Kurang Upaya)
- Pegawai dan Kakitangan Masjid yang mesra jemaah
- Program Pengimarahannya Yang Beterusan



1) Lokasi Yang Terbuka Dan Mudah Akses:

Lokasi masjid hendaklah berada di tengah-tengah bandar atau di tengah-tengah qariah, bukan terperosok disudut-sudut bandar atau di hujung kampung, jauh dari laluan orang ramai.

2) Infrastruktur Dan Sarana Yang Mencukupi:

Masjid hendaklah mempunyai kemudahan infrastruktur yang boleh menampung keperluan pengunjung masjid, antaranya:

- a) Tempat letak kereta yang mencukupi (khususnya bagi masjid di bandar)
- b) Tempat wudu' yang sesuai.
- c) Bilik air dan tandas yang bersih.
- d) Tempat bermalam untuk musafir.
- e) Kelas Pengajian dan Perpustakaan.
- f) Pusat Asuhan Kanak-kanak.
- g) Ruang/pondok rehat.
- h) Taman Kanak-kanak.
- i) Klinik Perubatan/ Farmasi.
- j) ATM
- k) Wifi
- l) Kemudahan untuk OKU

3) Pegawai dan Kakitangan Tangan Masjid yang Mesra Jemaah/'User Friendly':

Pegawai-pegawai masjid iaitu imam dan *mu'azzin* hendaklah merupakan pengurus-pengurus tadbir yang senang dihubungi dan didampingi oleh masyarakat. Walaupun mereka berdua adalah 'Ketua' dan 'Timbalan' dalam pengurusan masjid, namun sifat 'keketuaan' mereka hendaklah berada diposisi 'Ketua Yang Sanggup Berkhidmat' (servant-leader) bukan sekadar ketua yang hanya boleh mengarah (directive-leader). Mereka sentiasa bersedia memberi perkhidmatan bila-bila masa dan berkhidmat untuk mencapai keredhaan diri sendiri, keredhaan orang lain (orang ramai dan masyarakat) dan yang lebih utama keredhaan Allah SWT.

Justeru, imam, *mu'azzin* dan siak serta Jawatankuasa Masjid hendaklah mewujudkan 'kayu pengukur'/KPI terhadap prestasi mereka dengan mengambilkira perkara-perkara berikut:

- a) Kekuatan-kekuatan (Strenghts)



- b) Kelemahan-kelemahan (Weaknesses)
- c) Cabaran-cabaran (Threats)
- d) Peluang-peluang (Opportunities)
- e) Kemahiran-kemahiran (Skills)
- f) Strategi-strategi (Strategies).

Untuk mencapai tahap cemerlang sehingga sesebuah masjid boleh dijadikan penandaaras kepada masjid yang lain, maka hendaklah semua yang terlibat dalam pengurusannya mengambil tindakan-tindakan menentukan KPI masing-masing yang boleh dicapai dan pada masa yang sama meningkat KPI dari masa ke masa dengan mengambilkira faktor berikut:

- a. Kenali diri sendiri.
- b. Kentalkan kepercayaan kebolehan diri.
- c. Laksanakan sesuatu walaupun kecil, tetapi berterusan.
- d. Cuba laksanakan sesuatu yang besar, walaupun sukar.
- e. Ambil maklum tentang pencapaian anda.
- f. Ambilkira tentang kerugian (loss) dan kecacatan (defect).
- g. Menggunakan pengalaman masa lampau, bagi merancang masa depan.
- h. Bina '*ukhuwwah*' seluas mungkin dan cuba pengaruhi orang lain.
- i. Miliki keberanian dengan bersedia menghadapi 'ujian' dan 'fitnah'.
- j. Jangan merubah prestasi diri untuk menyenangkan hati orang lain.
- k. Gantikan pemikiran negatif dengan pemikiran positif.
- l. Gambarkan matlamat hidup anda, yakni khayalkan anda sedang menempuh laluan sukar yang membimbangkan dengan penuh rasa mampu dan yakin.
- m. Setiap hari diheret kepada pengalaman yang mencabar atau pahit, berikanlah segera pengubatan.
- n. Pilihlah di dalam melakukan sesuatu mengikut hirarkinya: Utamakan yang perlu dan mesti (al-daruriyyat), kemudian yang perlu tetapi tidak mesti (al-hajiyyat) dan akhir sekali yang meupakan penambahan dan pengindahan (al-tahsiniyyat/al-kamaliyyat).
- o. Kekalkan perspektif anda, yakin jangan biarkan apa yang berlaku semalam mempengaruhi apa yang akan berlaku esok hari.
- p. Hadapi cabaran dengan minda yang terbuka.
- q. Hapuskan lintasan kegagalan dan lihatlah kegagalan sebagai suatu langkah ke arah kejayaan.
- r. Wujudkan anjakan paradigma dalam diri dari baik (good) kepada lebih baik (better) dan dari lebih baik kepada cemerlang (excellent).
- s. Akhir sekali bertawakkal kepada Allah SWT setelah segala tenaga fizikal (kekuatan tubuh badan) mental (kekuatan pemikiran) dan spiritual (kekuatan kerohaniah) telah digunakan semaksimum mungkin.

Program Pengimarahannya Yang Berterusan:

Program pengimarahannya masjid tidak seharusnya berjalan secara bermusim atau sewaktu-waktu, tetapi sebaliknya hendaklah berjalan secara berterusan. Penentuan tanda aras dan KPI hendaklah mengambil perkara yang berikut:

- a) Adakan aktiviti-aktiviti yang menarik minat semua lapisan masyarakat agar mendapat sokongan dari mereka: Kanak-kanak, remaja, dewasa dan orang tua (termasuk orang pencen). Jangan tertumpu kepada satu golongan sahaja, misalnya orang tua.
- b) Jadualkan program/aktiviti dan sebarkan secara meluas melalui papan iklan masjid, kertas sebaran dan radio tempatan.
- c) Jemput tenaga-tenaga mahir seperti: Penceramah-penceramah terkenal, pakar motivasi dan pakar kaunseling.

PENUTUP

Tanda aras dan KPI untuk masjid dan perbandingan antara masjid adalah perlu untuk menjadikan masjid sebagai institusi yang relevan. Masjid sebagai institusi rujukan bukan hanya semasa masyarakat berdepan dengan krisis tetapi juga semasa senang. Oleh itu, sudah sampai masanya perubahan dibuat dalam menambahbaik prestasi berdasarkan KPI sesebuah institusi masjid sehingga ianya boleh menjadi penandaaras kepada masjid yang lain. Tanda aras dan KPI hendaklah juga mengambil kira kekuatan, kelemahan, cabaran, peluang dan kemahiran yang ada pada pentadbir masjid supaya pencapaiannya adalah realistik dan perbandingan penandaarasan antara masjid adalah adil. Ingatlah apa yang disabdakan oleh Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Sesiapa yang menyamakan dua harinya, maka dia ditipu oleh dirinya sendiri dan sesiapa yang besoknya lebih buruk dari hari ini, maka dia dilaknat (oleh Allah SWT).”

ⁱLihat: Tugas dan Tanggungjawab Serta Kriteria Imam di Lampiran A.

ⁱⁱ Lihat: Tugas dan Tanggungjawab *Mu'azzin* di Lampiran B.

ⁱⁱⁱ Lihat Tugas dan Tanggungjawab Siak di Lampiran C.

Lampiran A:

Tugas dan Tanggungjawab Imam

Imam pada dasarnya adalah merupakan tenaga terpenting di dalam sesebuah masjid bagi menjayakan kestabilan pentadbirannya sebagaimana peranan seorang penghulu di sebuah mukim dan tuan guru di institusi pondok.

Antara tugas dan tanggungjawabnya ialah:

- a. Mengimarahkan masjid menerusi solat-solat jema'ah, solat Juma'at, solat 'Aidain, pengajian fardhu 'ain, perayaan-perayaan hari-hari kebesaran Islam, ceramah-ceramah jemputan, kelas-kelas al-Qur'an untuk kanak-kanak, orang-orang tua dan seumpamanya.
- b. Melaksanakan program sosial menerusi kenduri kendara, khairat kematian, pengurusan jenazah, upacara berkhatan, pembinaan keluarga menerusi proses perkahwinan atau akad nikah yang dikendalikan terus oleh para imam sebagai wakil kepada qadi-qadi daerah.
- c. Berperanan sebagai 'pakar rujuk' bagi penyelesaian masalah atau persengketaan yang timbul di antara anggota keluarga, keluarga dengan keluarga yang berjiran, malah antara individu dengan individu dalam komuniti setempat. Jikalau imam tidak dapat mencapai tahap seorang 'alim, maka amat wajar baginya mengadakan majlis *munaqashah* atau *muhawarah* dengan 'alim ulamak atau orang yang boleh digelar sebagai 'opinio-leaders' dalam sesebuah masyarakat.

Kriteria Imam

Untuk menjayakan tugas yang berat ini, maka seseorang imam perlulah memiliki sekurang-kurangnya enam kriteria berikut:

- a. Keimanan yang mendalam (*al-iman al-'amiq*) bukan terhadap Allah SWT dan Rasul-Nya sahaja, malah terhadap tanggungjawab dan risalah yang dibawanya. Keimanan yang mendalam inilah membuatkan seseorang imam itu berada di landasan yang betul serta konsisten dalam menanggung beban dan tanggungjawabnya walaupun sebesar mana masalah dan sekuat mana cabaran yang dihadapinya.
- b. Keilmuan yang halus (*al-'ilm al-daqiq*) yang menjadi tanggungjawabnya terutama dalam hal-hal yang berkaitan dengan ibadat dan pengimarah masjid. Selain dari itu, seseorang imam hendaklah terdiri daripada individu

yang mempunyai akhlak yang terbaik di kalangan masyarakat setempat. Satu ungkapan ‘Arab yang menyentuh tentang perkara ini berbunyi, “Bahasa amali adalah lebih berkesan dari bahasa pengucapan.”

- c. Kepimpinan yang berhikmah (*al-qiyyadah al-hakimah*). Memimpin adalah merupakan suatu tugas yang berat. Kemampuan memimpin kadangkala datang menerusi bakat semulajadi yang telah ditakdirkan (gifted) oleh Allah SWT ke dalam diri seseorang dan kadangkala menerusi asuhan dan pengalaman tertentu (self acquired). Justeru, imam adalah pemimpin, namun beliau adalah imam yang boleh digelar sebagai ‘servant-leader’ iaitu ‘pemimpin yang sedia berkhidmat’, bukan sekadar ‘pemimpin yang sedia mengarah’.
- d. Pengorbanan yang berterusan (*al-jihad al-da’ub*). Kepimpinan memerlukan pengorbanan masa dan harta. Di antara pengorbanan para pemimpin ialah perlu berhati-hati terhadap apa yang dipimpinnnya kerana mereka terikat kepada kepemimpinannya, sebagaimana yang disebut, “Berbuat baiklah terhadap manusia, nescaya anda dapat menawan hati-hati mereka.”
- e. Kesabaran yang berpanjangan (*al-sabr al-mutawasil*). Kesabaran adalah penting bagi sesorang imam yang ingin berjaya dalam kepimpinannya. Hal ini telah diisyaratkan oleh al-Quran dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Demi masa, sesungguhnya manusia itu berada di dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, serta saling berpesan dengan kebenaran dan saling berpesan dengan kesabaran.” – (al-‘Asr : 1-3).
- f. Mempunyai kelebihan dalam perkara-perkara berikut:
 - i. Terbaik bacaannya dari segi kefasihan dan hafalan.
 - ii. Memahami Sunnah.
 - iii. Lebih tua usianya dan sudah berkahwin.

Lampiran B:

Tugas dan Tanggungjawab *Mu'azzin*

Selain dari imam, *mu'azzin* atau disebut sebagai bilal merupakan orang yang tidak kurang pentingnya dalam pengurusan masjid. Bahkan, di sesetengah masjid apabila imam uzur, maka bilallah orang yang akan mengimamkan solat. Di antara tugas dan tanggungjawab seseorang *mu'azzin* dalam hubungannya dengan azan:

- a. Melafazkan kalimah-kalimah azan dengan tertib, jelas, mudah dan lembut.
- b. Menjaga suara dan nada ketika azan supaya alunan azan benar-benar syahdu dan mampu menyentuh perasaan.
- c. Azan hendaklah dikemumandangkan dengan fikiran dan jiwa yang tenang, jujur, dan berazam untuk mengingatkan umat Islam tentang kemuliaan Islam.
- d. Menjiwai setiap kalimah dan bait azan, sejak dari sebelum memulakan azan hingga setelah selesai azan.
- e. Mempunyai kemahiran *tajwid*, *fasahah* dan *tarannum* (lagu) yang baik. Kebolehan *mu'azzin* dalam perkara ini akan membolehkan azan dialunkan dengan berkesan terutama dari segi keindahan sanubari umat Islam.
- f. Lafaz *iqamat* pula hendaklah disempurnakan dengan sebaik-baiknya. *Iqamat* menandakan isyarat permulaan hamba Allah SWT akan mengadap dan menyembah Allah SWT melalui solat.

Lampiran C:

Tugas dan Tanggungjawab Siak

Siak adalah orang yang bertanggungjawab terhadap kerja-kerja membersihkan, mengemas dan mengindahkan masjid. Di sesetengah masjid peranan Siak sangat luas merangkumi kerja-kerja menerima dan menghantar surat dan bil-bil masjid, menjaga peralatan masjid, membersihkan, menyusun sejadah hinggalah kepada membasuh pinggan mangkok jika ada kenduri. Siak merupakan orang yang paling awal datang ke masjid dan orang yang terakhir meninggalkan masjid. Siak juga memainkan peranan penting untuk memastikan persekitaran masjid bersih dan kemas.

Seseorang yang dilantik sebagai Siak perlu memiliki kriteria-kriteria berikut:

- a. Berkhidmat menjaga masjid berdasarkan perasaan cinta yang luhur di samping mempunyai keazaman dan kemahuan berkhidmat yang tinggi.
- b. Mempunyai kepekaan yang tinggi tentang konsep, kaedah dan suasana kebersihan serta keindahan masjid. Siak perlu bersikap cinta kepada kebersihan dan keindahan yang boleh mewujudkan suasana tenang dan selesa.
- c. Mempunyai kemahiran dan budaya kerja yang baik seperti rajin, bersungguh-sungguh, kreatif dan sensitif.
- d. Memberi keutamaan penjagaan terhadap peralatan dan kawasan-kawasan masjid seperti berikut:
 - i. Ruang masjid termasuk *mihrab*.
 - ii. Peralatan siaran, kitab al-Qur'an, almari buku-buku dan peralatan lain.
 - iii. Kawasan bilik air (tandas).
 - iv. Kawasan *wudu'*.
 - v. Longkang sekeliling bangunan masjid atau dalaman masjid.
 - vi. Tempat memasak (dapur) jika ada.
